

21 AUG 1998

MTEN-PEMULIHAN/I

NERP BOLEH DIPEROLEHI MULAI ISNIN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP) di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) boleh dibeli oleh orang ramai mulai 24 Ogos ini.

NERP telah diumumkan kepada media pada 23 Julai lalu supaya orang ramai boleh dimaklumkan serta-merta mengenai cadangan Agenda Tindakan MTEN itu sebaik sahaja perakuan-perakuannya diluluskan oleh Kabinet, yang menggambarkan kepentingan kerajaan untuk mengatasi krisis semasa itu dan perhatian beratnya terhadap kesusahan ekonomi yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

Di dalam satu kenyataan hari ini, MTEN berkata rancangan pemulihan 216 halaman itu berharga RM20.00 dan boleh dibeli daripada Percetakan Negara di No. 1 Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur, atau melalui telefon 03-2212022, faks 03-2224773 dan e-mail: pnmb@po.jaring.my.

Rancangan yang diterbitkan itu termasuk Prakata oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengantar oleh Menteri Tugas-tugas Khas dan ketua pengarah MTEN Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir berkata: "Adalah penting bahawa langkah-langkah segera dan berani diambil untuk memulihkan ekonomi. Dengan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara, sebuah peta kini telah terbuka."

Di dalam pengantarnya, Daim memberikan tinjauan menyeluruh yang luas mengenai enam matlamat utama NERP -- untuk menstabilkan ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosio-ekonomi dan memulihkan sektor-sektor yang terjejas teruk.

MTEN berkata persediaan rancangan pemulihan itu membabitkan penyertaan ketua-ketua korporat industri dan juga profesional perseorangan dan usaha-usaha mereka menggambarkan semangat setiap rakyat Malaysia untuk membantu mengatasi masalah ekonomi negara. -- BERNAMA

MK FR OS